

KEJOHANAN SILAT JEMPUTAN BRUNEI



■ A RAHMAN HASSAN...
setiausaha Pesaka.

Pesaka cadang tarik diri

B. Harlan (M)

17 FEB 1989

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) mungkin menarik diri atau sekadar menyenaraikan pasukan kedua ke Kejohanan Jemputan Brunei, jika ia berlangsung pada Jun ini, lapor MOHD RAHIME YUSOF.

Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata tindakan itu wajar bagi mengelak pesilat-pesilat utama negara ke Sukan SEA tidak menghadapi kecederaan, memandangkan kejohanan berkenaan terlalu hampir dengan tarikh sukan terbesar di Asia Tenggara itu.

"Kami mungkin membuat keputusan tidak mengambil bahagian jika benar kejohanan di Brunei itu berlangsung pada Jun ini. Jika tidak, kami akan menyenaraikan pasukan kedua saja demi menjaga hubungan serantau," katanya.

Sebelum ini, kejohanan itu dikatakan akan berlangsung bulan ini atau selewat-lewat awal bulan depan, tetapi setakat ini belum ada sebarang berita mengenai tarikh sebenar kejohanan itu.

Sementara itu, latihan pusat persediaan skuad Sukan SEA peringkat kelima, bermula di Kota Bharu, semalam dan berakhir 26 Februari. Sebelum itu, latihan juga dikatakan akan menjadi asas pemilihan ke Kejohanan Jemputan Brunei.

Jurulatih Pusat Cemerlang Silat di Kota Bharu, Mohd Noor Mahmood, memberitahu hampir semua pesilat dan jurulatih sudah melapor diri, kelmarin.

Pertunjukan Mini Seni Silat

B. Harlan (iv)

18 FEB 1989

RANCANGAN mengadakan acara pertunjukan 'Mini Seni Silat' sehari sebelum pertandingan Silat Olahraga Sukan SEA Ogos ini, menjadi perbincangan penting dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), petang ini.

Acara itu dianggap mustahak kepada Pesaka bagi menarik minat masyarakat tempatan mendekati diri kepada silat terutama mengembangkan lagi silat olahraga.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan soal perbelanjaan dan pasukan mana yang akan diundang mengadakan pertunjukan nanti.

Bagaimanapun, sumber Pesaka menyebut Indonesia sudah tentu diminta menghantar peserta pertunjukan. Hanya, kedudukan Singapura yang mungkin dibincangkan, hari ini.

Sumber itu berkata, jika kedua-dua negara itu diundang, kemungkinan perbelanjaan pengakutan dan penginapan terpaksa ditanggung oleh Pesaka.

Sementara itu Setiausaha Pesaka, Abdul Rahman Hassan, berkata mesyuarat itu adalah antara beberapa siri mesyuarat biasa.

Cuma ia lebih diberi tumpuan kepada masalah pentadbiran dan teknikal mengenai acara silat Sukan SEA nanti.

Bagaimanapun, dia enggan mengulas mengenai rancangan pertunjukan itu dan bergantung kepada majlis sama ada bersetuju mengajurkan acara berkenaan.

"Sebenarnya, acara pertunjukan itu hanya satu cadangan awal saja. Ia bergantung kepada Pesaka sama ada bersetuju atau tidak. Jika ada peruntukkan, rancangan itu pasti diteruskan," kata Abdul Rahman.